

# Persidangan Naib Canselor julung kali di Universiti Teknologi Mara (UiTM)

Oleh **MARLINA NOORYANTI ABDOLL LATIF**

PENGANTARABANGSAAN adalah istilah yang tidak asing lagi masa kini dan telah digunakan sejak dahulu oleh para pendidik di Malaysia.

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia merupakan pemangkin utama kepada pendidikan tinggi dan mendorong universiti-universiti ke arah mengantarabangsakan kampus-kampus dengan peningkatan kemasukan pelajar antarabangsa, menggalakkan kajian secara usahasama dan pengiktirafan universiti serta program-programnya.

Aspek-aspek lain dalam pengantarabangsakan adalah menubuhkan kampus luar bukan sahaja di Malaysia malah di Singapura, China, Indonesia dan India.

Apakah implikasi penubuhan universiti di negara-negara tersebut?

Apakah implikasinya bagi kampus luar yang menyediakan pendidikan tinggi tersebut?

Dan apakah implikasi-implikasi bagi aspek kebudayaan?

Segala persoalan tersebut akan dibincangkan dan dijangka terjawab dalam persidangan terunggul yang dianjurkan oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Sempena sambutan ulang tahun UiTM yang ke-50, satu persidangan bakal diadakan iaitu 'UiTM's International Conference of Vice Chancellors 2006'.

Persidangan itu bertemakan 'International Education: Current Understandings, Future Directions'.

Secara umumnya, pendidikan tinggi di Malaysia memenuhi objektif dalam konteks pengantarabangsakan.

Fokus utamanya ialah dalam pembangunan sumber manusia dan potensi dalam memenuhi kepentingan pembangunan negara.

Antara objektif lain ialah menyediakan forum untuk berkongsi pengalaman, idea dan latihan terbaik dalam pendidikan antarabangsa serta membenarkan ahli baru dalam pendidikan antarabangsa mempelajari yang terbaik dalam industri.

Oleh yang demikian, hal-hal yang berkenaan masyarakat global, negara dan universiti-universiti perlu dititikberatkan khusus untuk memberi ruang kepada pelajar-pelajar antarabangsa.

Memandangkan universiti-universiti awam Malaysia adalah gedung utama dalam senario pendidikan antarabangsa, UiTM dengan bangganya mengadakan persidangan ini untuk membantu dalam pengurusan kemasukan para pelajar ke kampus-kampus yang disediakan.

Persidangan tersebut akan dirasmikan oleh Naib Canselor UiTM, Datuk Seri Prof. Dr. Ibrahim Abu Shah dan dihadiri oleh Presiden-presiden, merangkap pembentang kertas kerja dalam persidangan selama satu hari tersebut.

Para pembentang akan mengetengahkan tema sampingan persidangan yang menyentuh mengenai 'tadbirurus universiti bertaraf dunia, pengantarabangsakan kurikulum dan program, ICT,

Um 7/9/06

memastikan keselesaan hidup pelajar antarabangsa, jaminan kualiti pendidikan tinggi, pendidikan transnasional dan penyelidikan dalam pendidikan antarabangsa'.

Antara faedah yang diperolehi ialah jalinan hubungan baik dengan para pendidik antarabangsa, meningkatkan peluang-peluang rangkaian pendidikan, mempelajari tentang latihan terbaik dalam pendidikan antarabangsa, serta mewujudkan strategi dalam organisasi yang menjurus kepada bidang pendidikan antarabangsa.

Berbeza daripada persidangan-persidangan lain, persidangan ini dimulakan dengan kertas kerja pembentang jemputan yang akan membincangkan topik khas berkenaan pengantarabangsakan universiti di seluruh dunia.

Paling menarik, penceramah khas persidangan ialah Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mustapa Mohamad; diikuti Prof. Dr. Ibrahim Abu Shah; Naib Canselor dan Presiden Universiti of South Australia (UniSA), Prof. Dr. Denise Bradley dan Timbalan Naib Canselor, Research Victoria University Wellington, New Zealand, Prof. Dr. Neil Quigley.

Turut sama ialah Pro Naib Canselor (Antarabangsa), Manchester Metropolitan University, United Kingdom, Prof. Dr. Richard Murray dan Naib Canselor University of Hertfordshire, Prof. Tim Wilson.

Di samping itu, persidangan ini menekankan perspektif dalam pendidikan antarabangsa termasuk isu-isu seperti peranan ahli baru, persaingan di kalangan pelajar antarabangsa, sokongan dan penjagaan pastor untuk pelajar-pelajar antarabangsa serta kajian usaha sama.

Pihak UiTM mengalu-alukan penyertaan dari pendaftar-pendaftar universiti, jabatan kementerian dan para pendidik akademik, para pengkaji pendidikan antarabangsa, pensyarah-pensyarah universiti serta para graduan untuk memperoleh pelbagai faedah serta menimba pengalaman baru.

Persidangan ini diadakan pada 8 November 2006 bertempat di Hotel Concorde, Shah Alam, Selangor.

Yuran pendaftaran sebanyak RM350 hendaklah dibayar atas nama Bendahari UiTM.

Untuk sebarang maklumat lanjut mengenai 'UiTM's International Conference of Vice Chancellors 2006', sila hubungi Pengerusi persidangan di:

Prof. Madya Dr. Habibah Ashari  
UiTM's International Conference of Vice Chancellors 2006

International Education centre (INTEC)  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

40200 Shah Alam

Selangor

Tel: 603-5522 7001

Faks: 603-5522 7010

General line: 603-5522 7000

e-mel: [habib794@salam.uitm.edu.my](mailto:habib794@salam.uitm.edu.my) or [uicvc2006@salam.uitm.edu.my](mailto:uicvc2006@salam.uitm.edu.my)

website: [www1.uitm.edu.my/uicvc2006](http://www1.uitm.edu.my/uicvc2006)